




Dato' Noriyah bt. Ahmad  
Ketua Pengarah  
(Director General)

UNIT PERANCANG EKONOMI  
Economic Planning Unit  
JABATAN PERDANA MENTERI  
Prime Minister's Department  
BLOK B5 & B6  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62502 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



**EPU**  
ECONOMIC PLANNING UNIT  
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT, MALAYSIA

Telefon : 603-8872 5433  
Telefax : 603-8888 3755

Ruj. Tuan:  
Your Ref.:

Ruj. Kami: UPE(S)12-10/14  
Our Ref.: Jld. 5 (21)

Tarikh: 22 September 2010  
Date:

## SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN 1

Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato',

### SENARAI PROGRAM DAN PROJEK PEMBANGUNAN DUA TAHUN PERTAMA RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH (2011-2012)

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato' kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato', senarai program dan projek serta siling peruntukan bagi dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) telah dimuktamad dan dipersetujui oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam mesyuarat di antara Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama Y.A.B. Perdana Menteri.

3. Jumlah keseluruhan siling peruntukan bagi tempoh 2011-2012 adalah sebanyak RM103.6 bilion. Daripada jumlah tersebut, peruntukan untuk projek sambungan Rancangan Malaysia Kesembilan ialah RM39.4 bilion, projek di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) RM17.1 bilion, untuk Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA) RM11.8 bilion dan projek baru RMKe-10 sejumlah RM35.3 bilion. Memandangkan tempoh 2011-2012 merupakan *Rolling Plan* pertama di bawah RMKe-10, keutamaan diberi untuk menyiapkan projek sambungan dan dengan demikian ruang untuk projek-projek baru adalah terhad. Walau bagaimanapun, ruang untuk melaksanakan projek baru akan lebih luas untuk *Rolling Plan* yang kedua (2012-2013) yang akan disediakan dalam suku ketiga tahun 2011.

4. Bersama-sama ini dikemukakan senarai program dan projek pembangunan untuk tindakan pihak Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato' selanjutnya bagi membuat persiapan awal pelaksanaan program dan projek yang telah diluluskan di bawah kementerian masing-masing. Bagi melaksanakan program dan projek tersebut, kementerian hendaklah mematuhi **Garis Panduan bagi Pelaksanaan Program/Projek bagi Dua Tahun Pertama RMKe-10 (2011-2012)** seperti di **Lampiran 2**.

5. **Y.A.B. Perdana Menteri juga telah memutuskan semua projek yang telah diluluskan tidak boleh dipinda tanpa kelulusan Jemaah Menteri.** Keputusan ini juga adalah selaras dengan arahan Y.A.B. Perdana Menteri supaya senarai projek mengikut kawasan Parlimen diedarkan kepada semua Ahli Parlimen, yang bermakna sebarang pertukaran akan membawa implikasi ke atas senarai projek mengikut kawasan Parlimen.

6. Untuk makluman Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato', Mesyuarat Khas Jemaah Menteri yang diadakan pada 21 September 2010 antara lain, telah bersetuju supaya peruntukan bagi projek di bawah NKRA dikurangkan bagi membiayai projek lain yang dianggap kritikal oleh kementerian. Sehubungan itu, pihak Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato' bolehlah mengemukakan senarai projek kritikal serta keperluan siling peruntukan kepada UPE, JPM **tidak lewat daripada 29 September 2010** untuk pertimbangan selanjutnya. **Senarai projek yang akan dikemukakan hendaklah mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Y.B. Menteri masing-masing.**

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
(NORiyAH BINTI AHMAD)

s.k.

**Y.BHG. TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HAJI HASSAN**

Ketua Setiausaha Negara,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Aras 4 Timur, Bangunan Perdana Putra,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62502 PUTRAJAYA.**

**Y.BHG. TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,  
Kementerian Kewangan,  
Blok Tengah, Tingkat 10, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62592 PUTRAJAYA.**

**Y.BHG. DATUK SHUKRY BIN HJ. MOHD. SALLEH**

Ketua Pengarah,  
Unit Penyelarasan Pelaksanaan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Aras 3 Timur, Bangunan Perdana Putra,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62502 PUTRAJAYA.**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,  
Kementerian Kewangan, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62592 PUTRAJAYA.**

(u.p.: Y. Bhg. Datuk Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff  
Pengarah Bahagian Pengurusan Belanjawan)

**Y.BHG. TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,  
Kementerian Kewangan,  
Blok Tengah, Tingkat 10, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62592 PUTRAJAYA.**

**Y.BHG. DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Jabatan Perkhidmatan Awam,  
Aras 13, Blok C1, Parcel C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62510 PUTRAJAYA.**

**Y.BHG. DATUK MOHD RADZI BIN ABDUL RAHMAN**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Luar Negeri,  
Wisma Putra, No. 1,  
Jalan Wisma Putra, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62502 PUTRAJAYA.**

**Y.BHG. TAN SRI DR. ZULKURNAIN BIN HAJI AWANG**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pelajaran,  
Aras 8, Blok E8, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62604 PUTRAJAYA.**

**Y.BHG. TAN SRI DR. ZULKEFLI BIN A. HASSAN**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pengajian Tinggi,  
Aras 6, Blok E3, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62604 PUTRAJAYA.**

**Y.BHG. DATO' SRI DR. HAJI MOHD. NASIR BIN MOHD. ASHRAF**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62590 PUTRAJAYA.**

**Y.BHG. TAN SRI ABDUL RAHMAN BIN MAMAT**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri,  
Blok 10, Tkt. 15, Kompleks Pejabat-pejabat Kerajaan,  
Jalan Duta,  
50622 KUALA LUMPUR.

**Y.BHG. DATUK MOHD. ZAIN BIN MOHD. DOM**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan,  
Aras 11, Lot 2G3, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62623 PUTRAJAYA.

**Y.BHG. DATO' AHMAD BIN HAJI KABIT**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,  
Blok K, Paras 5 Utama,  
Pusat Bandar Damansara,  
50782 KUALA LUMPUR.

**Y.BHG. DATO' ZOAL AZHA BIN YUSOF**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar,  
Tingkat 17, Lot 4G3, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62574 PUTRAJAYA.

**Y.BHG. DATUK WIRA ISMAIL BIN SALEH**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi,  
Aras 10, Lot 2G4, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62623 PUTRAJAYA.

**Y.BHG. DATO' MADINAH BINTI MOHAMAD**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi,  
Aras 6, Blok C5, Parcel C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62662 PUTRAJAYA.

**Y.BHG. DATO' SRI MAHMOOD BIN ADAM**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Dalam Negeri,  
Blok D1, Tingkat 12,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62548 PUTRAJAYA.

**Y.BHG. DATUK THOMAS GEORGE A/L M.S. GEORGE**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kerja Raya,  
Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 KUALA LUMPUR.

**Y.BHG. DATUK WIRA KAMARUDDIN BIN SIARAF**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan,  
Aras 1, Bangunan Sultan Abdul Samad,  
Jalan Raja,  
50610 KUALA LUMPUR.

**Y.BHG. DATUK ABD JABAR BIN CHE NAI**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah,  
Aras 9, Blok D9, Parcel D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62606 PUTRAJAYA.

**Y.BHG. DATO' LONG SEE WOOL**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pengangkutan,  
Aras 7, Parcel D5, Parcel D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62616 PUTRAJAYA.

**Y.BHG. DATO' MOHD MOKHTAR BIN ISMAIL**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani,  
Wisma Tani, Aras 15,  
Lot 4G1, Precint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan,  
62624 PUTRAJAYA.

**Y.BRS. DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI AHMAD**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pertahanan,  
Jalan Padang Tembak,  
**50634 KUALA LUMPUR.**

**PUAN LOO TOOK GEE**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air,  
BLOK E4/5, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62668 PUTRAJAYA.**

**Y.BHG. DATO' HAJI AHMAD PHESAL BIN HAJI TALIB**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar,  
Tkt. 4, Blok B2, Menara PJH,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62100 PUTRAJAYA.**

**Y.BHG. DATO' ZAINOL BIN OTHMAN**

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Aras 4, Blok B8, Parcel B,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62502 PUTRAJAYA.**

**Y.BHG. DATO' DR. ONG HONG PENG**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pelancongan,  
Tingkat 22, Pusat Dagangan Dunia Putra,  
Jalan Tun Ismail,  
**50694 KUALA LUMPUR.**

**Y.BHG. DATO' SEGARAJAH RATNALINGAM**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Sumber Manusia,  
Aras 9, Blok D3, Parcel D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62530 PUTRAJAYA.**

**Y.BHG. DATO' MOHID BIN MOHAMED**  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Belia dan Sukan,  
Menara KBS,  
Aras 14, Lot 4 G 4, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62570 PUTRAJAYA.**

**Y.BHG. DATO' DR. NOORUL AINUR BINTI MOHD. NUR**  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,  
Aras 1-6, Blok E, Kompleks Kerajaan Bukit Perdana,  
Jalan Dato' Onn,  
**50562 KUALA LUMPUR.**



**GARIS PANDUAN BAGI PELAKSANAAN PROGRAM/PROJEK  
BAGI DUA TAHUN PERTAMA RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH  
(2011 – 2012)**

1. Pelaksanaan **projek sambungan perlu diberi keutamaan** sebelum memulakan projek baru.
2. Bagi projek RMKe-10 yang telah diluluskan dan perlu membuat kerja awalan seperti ukur tanah, penyiasatan tanah (*soil investigation*) dan reka bentuk projek, **bolehlah dimulakan dalam tempoh RMKe-9 sekiranya mempunyai baki siling peruntukan projek dan peruntukan tahun 2010** yang tidak dapat dibelanjakan sehingga penghujung tahun 2010.
3. **Semua projek hendaklah dilaksanakan melalui sistem tender terbuka atau tender terhad.**
4. Kementerian **tidak dibenar menandatangani kontrak sesuatu projek melebihi dari siling** yang telah diluluskan untuk projek tersebut bagi mengelak komitmen yang dibuat melebihi kemampuan kewangan Kerajaan.
5. Kementerian perlu memastikan **skop projek hendaklah bersesuaian dengan siling peruntukan yang diluluskan** supaya projek dapat dilaksanakan tanpa melibatkan pertambahan siling peruntukan. Sekiranya perubahan skop projek melibatkan pertambahan siling peruntukan, kementerian diminta mematuhi Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2007 mengenai kawalan siling peruntukan rancangan pembangunan lima tahun.
6. Sebarang pindaan skop asal projek perlu mematuhi peraturan yang terkandung dalam surat edaran UPE, JPM bertarikh 1 Oktober 2009 seperti berikut:
  - i. perubahan skop melibatkan **tambahan siling melebihi 10%** perlu mendapat kelulusan UPE, JPM;

- ii. perubahan skop melibatkan **tambahan siling 10% atau kurang** memadai diluluskan oleh Pegawai Pengawal; dan
  - iii. perubahan skop melibatkan **pengurangan siling** memadai diluluskan oleh Pegawai Pengawal.
7. **Semua projek pembinaan dan pengubahsuaian bangunan perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Standard & Kos** seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2005.
  8. Kementerian perlu membuat **pengurusan nilai bagi semua projek yang bernilai RM50 juta ke atas** seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling UPE, JPM Bilangan 3 Tahun 2009 mengenai garis panduan pelaksanaan pengurusan nilai (*value management*) untuk mendapatkan *value for money*. Kementerian juga digalakkan melaksana pengurusan nilai bagi projek yang bernilai kurang dari RM50 juta. **Penjimatan siling peruntukan dari pengurusan nilai perlu dikembalikan kepada UPE, JPM** yang mana sebahagian dari penjimatan tersebut akan diperuntukkan kepada kementerian terbabit bagi membiayai projek lain.
  9. **Pelaksanaan projek baru hendaklah menggunakan kaedah Industrialised Building System (IBS)** berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2008.
  10. Semua kementerian **perlu mendapatkan perkhidmatan Jabatan Teknik (JKR & JPS)** bagi pelaksanaan semua projek RMKe-10 selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182. Kementerian **hanya dibenar mendapat perkhidmatan perunding jika Jabatan Teknik tidak berkemampuan.**
  11. Selaras dengan keputusan mesyuarat Majlis Tindakan Negara Bilangan 2 Tahun 2010 bertarikh 1 Jun 2010, **kementerian perlu mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri sebelum membuat pertukaran projek yang telah diluluskan.** Ini adalah kerana dalam RMKe-9, terdapat kementerian yang telah menukar projek tanpa mendapat persetujuan daripada UPE, JPM. Tindakan ini menyebabkan banyak projek lewat dimulakan dan tidak dapat disiapkan dalam tempoh RMKe-9 yang mengakibatkan 38.0% daripada peruntukan dua tahun pertama RMKe-10 digunakan untuk membiayai projek sambungan.